

PANDUAN PENGGUNAAN KAMUS

1. KATA

Kata yang dijadikan entri dalam *Kamus Dewan Perdana* terdiri daripada kata akar atau kata dasar. Selain itu, kependekan, kata ganda (kecuali kata yang bermaksud jamak), gabungan kata, huruf Jawi, Rumi dan Yunani, kata nama khas, imbuhan, angka abjad (contohnya 2D dan 3D) dan parabahasa (contohnya aaa... dan ooo...) juga dijadikan sebagai entri. Kata ditandai dengan huruf tebal, berwarna biru dan santak ke kiri dalam paparan portal.

Kata yang berhomonim ditandai dengan angka arab dalam bentuk superskrip. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Frasa Kata
Peribahasa Kata
Kata Terbitan
ketam²
ketam³

ketam¹
کتَم
[kə·tam]
1 n
haiwan krustasia laut tidak bertulang belakang daripada filum Arthropoda yang merangkak secara mengiring, badannya dilindungi cangkerang, mempunyai empat pasang kaki dan sepasang penyepit, dan terdapat dalam pelbagai saiz, bentuk serta warna. Haiwan ini hidup di laut, kawasan air payau dan air tawar

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Frasa Kata
Kata Terbitan
ketam¹

ketam²
کتَم
[kə·tam]
1 n
alat yang mempunyai bilah pisau yang tajam pada permukaan bawahnya yang rata, dan digunakan untuk meratakan dan melicinkan permukaan kayu atau papan

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Kata Terbitan
ketam¹
ketam²
ketam⁴

ketam³
کتَم
[kə·tam]
1 n
pisau pemotong padi yang dibuat daripada buluh nipis yang dilekatkan mata pisau pada salah satu sisinya dan pemegang daripada buluh kecil yang dipasang menegak dan menembusi tengah-tengahnya

Senarai kata yang mempunyai persamaan ejaan diletakkan di bawah menu sisi. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Perak

perak ²

perak ³

perak ⁴

perak ¹

فرق

[pə·raʔ]

adj bb

(berkenaan dengan seseorang) hairan atau pelik apabila melihat, merasai, melakukan dan sebagainya sesuatu kerana tidak pernah melihat, merasai atau melakukannya sebelum ini

- Kenapa engkau ini perak sangat, tidak pernah tengok wayangkah?
- Aku memang perak, tak pernah naik kapal terbang.

2. SUBENTRI

Subentri terdiri daripada frasa kata, kata terbitan dan frasa kata terbitan. Senarai subentri dipaparkan pada menu sisi di bahagian kiri portal bagi paparan komputer. Subentri ditandai dengan huruf tebal, berwarna biru dan santak ke kiri dalam paparan portal, disusun seperti contoh yang berikut:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

Kata Terbitan

Frasa Kata Terbitan

Frasa bagi tahan ¹

tahan air

(berkenaan dengan benda) tidak dapat dimasuki atau diresapi air

- Produk tersebut dibuat daripada jenis kayu yang tahan air.

Sinonim: [kalis air](#), [kedap air](#)

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

Kata Terbitan

Frasa Kata Terbitan

Asal Usul Kata

Kata terbitan bagi tahan ¹

bertahan

برتاهن

[bər·ta·han]

1 ktt

tidak berganjak dari sesuatu tempat atau kedudukan dan terus menangkis serangan musuh

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

- Kata
- Frasa Kata
- Kata Terbitan
- Frasa Kata Terbitan
- Asal Usul Kata

Frasa kata terbitan bagi **tahan**¹

bertahan

bertahan diri

1

mempertahankan diri daripada serangan musuh

- Dalam peristiwa perang Yamamah, Bani Hudzaifah bertahan diri di kebun-kebun milik mereka.*

2

Senarai subentri dipaparkan di bahagian atas bagi paparan telefon bimbit.

Kata
Frasa Kata
Kata Terbitan

Kata Entri Serupa

tahan²

tahan¹

تَاهِن

[ta·han]

1 adj

(berkenaan dengan sesuatu) tidak mudah rosak, luntur dan lain-lain kerana dibuat daripada bahan yang kukuh, berkualiti dan sebagainya, atau kerana disimpan atau dijaga dengan baik

- Makanan ini tahan lebih lama jika*

Kata terbitan (misalnya **seimbang**) yang menerbitkan kata-kata terbitan lain (**berseimbang**, **berseimbangan**, **menyeimbangi** dan lain-lain) diolah dengan dua cara, sebagai entri dan subentri. Sebagai entri, kata ini dan bentuk-bentuk terbitannya ditakrif dan dilengkapi dengan maklumat seperti entri-entri lain. Sebagai subentri, kata ini dilonggokkan bersama-sama terbitannya di bawah kata akarnya (**imbang**) dan dirujuk silang kepada kata ini yang diolah sebagai entri (**seimbang**).

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Kata Terbitan

Frasa Kata
Terbitan

seimbang

سَائِمِغْ

[sə·im·ban]

1 *adj*

(berkenaan dengan badan, objek dan lain-lain) tidak senget
sebelah atau tidak condong ke satu arah sahaja

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Kata Terbitan

Frasa Kata
Terbitan

Kata terbitan bagi seimbang

berseimbang

بِرْسَائِمِغْ

[bə·sə·im·ban]

ktt

berada dalam keadaan seimbang

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Kata Terbitan

Frasa Kata
Terbitan

imbang ²

imbang ¹

اِيْمِغْ

[im·ban]

adj

(berkenaan dengan tubuh badan, objek dan lain-lain) dalam
keadaan yang sama berat atau sama banyak serta tidak berat
sebelah

- Gambar yang imbang ialah gambar yang mempunyai unsur visual
yang digubah sehingga kelihatan sama berat.

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Kata Terbitan

Frasa Kata
Terbitan

imbang ²

Kata terbitan bagi imbang ¹

berimbang

berimbangan

keimbangan

seimbang, berseimbang, berseimbangan, menyeimbangi, menyeimbangkan,
terseimbang, perseimbangan, keseimbangan ► **seimbang**

3. KATA PRAKATEGORI

Kata prakategori ialah kata yang tidak dapat berdiri sendiri sebelum diimbuh, tidak wujud dalam bentuk imperatif, tiada pasif diri, tiada pasif kena, dan boleh wujud dalam bentuk frasa, kata terbitan atau peribahasa yang membawa makna yang berkaitan. Kata ini ditandai dengan catatan “Kata prakategori. Sila klik pada pilihan kata terbitan/frasa/peribahasa untuk maklumat selanjutnya”. Contohnya dalam kata **bajik**, pengguna perlu klik pada menu Kata Terbitan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kata **bajik**.

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Kata Terbitan

bajik
باجيق
[ba · dʒiʔ]

Kata prakategori
Sila klik pada pilihan kata terbitan/frasa/peribahasa untuk maklumat selanjutnya.

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Kata Terbitan

Kata terbitan bagi bajik
kebajikan
كباڤيقن
[kə · ba · dʒi · kan]

1 n
perbuatan yang baik
• Berpuasalah dan membuat kebajikan jika mereka berdaya.

Contoh lain kata prakategori seperti dalam kata **kunjung¹**, pengguna perlu klik pada menu Frasa Kata untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kata **kunjung¹**.

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Frasa Kata
Kata Terbitan
Frasa Kata
Terbitan

kunjung¹
كونجوڠ
[kunj · dʒun]

Kata prakategori
Sila klik pada pilihan kata terbitan/frasa/peribahasa untuk maklumat selanjutnya.

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata
Frasa Kata
Kata Terbitan

Frasa bagi kunjung¹

tak kunjung datang

(berkenaan dengan orang, barang dan lain-lain yang ditunggu)
tidak sampai-sampai atau tidak datang langsung

Contoh lain seperti dalam kata **unjuk¹**, pengguna perlu klik pada menu Peribahasa Kata untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kata **unjuk¹**.

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata
Peribahasa Kata
Kata Terbitan
Frasa Kata
Terbitan

unjuk¹

اونجوق
[uj · dzu?]

Kata prakategori

Sila klik pada pilihan kata terbitan/frasa/peribahasa untuk maklumat selanjutnya.

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata
Peribahasa Kata
Kata Terbitan

Peribahasa bagi unjuk¹

unjuk yang tidak diberikan

berjanji akan memberikan sesuatu tetapi hanya tinggal janji sahaja

4. JAWI

Ejaan Jawi disertakan pada hampir semua kata dan subentri, kecuali kata yang berikut:

- Kata yang merupakan singkatan seperti **IMF**, **Dr.**, **Kg**. dan **drp**.
- Kata yang merupakan simbol seperti **C**, **Ag**, **kg** dan **P**.
- Kata yang merupakan rangkai kata yang melebihi dua perkataan yang setiap satunya menjadi entri seperti **merbah sampah kuning**, **Anugerah Sastera Negara** dan **Dewan Bahasa dan Pustaka**.
- Kata yang merupakan imbuhan seperti **ber-**, **per-...-an**, **panca-**, **dwi-** dan **-wi**.
- Kata nama tokoh (kecuali nama nabi dan rasul) seperti **Mahathir Mohamad**, **Dol Said** dan **Hang Jebat**.

5. TRANSKRIPSI FONETIK

Sebutan baku diberikan pada kata dan subentri (kecuali kata seperti yang dinyatakan pada perkara 4.) dengan menggunakan lambang fonetik yang berasaskan abjad fonetik antarabangsa (IPA) SIL Manuscript. Pemenggalan sebutan bagi sesuatu kata dan subentri ditandai dengan tanda titik. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA Kata	mangan
	مَعْنَى [maŋ · gan]

KAMUS DEWAN PERDANA Kata	mashaf
	مَصْحَف [mas · haf]

KAMUS DEWAN PERDANA Kata	mulai
	مَوْلَايَ [mu · laj]

KAMUS DEWAN PERDANA Kata	nakhoda
	نَخْوَدَا [na · xo · da]

Bagi kata yang bermula dengan huruf vokal a, e, i, o dan u, kata terbitannya diberikan dua cara sebutan. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA Kata Frasa Kata Kata Terbitan Frasa Kata Terbitan	Kata terbitan bagi ada
	ada-ada
	berada
	بِرَادَا [bə · ra · dallbə · a · da]

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

Kata Terbitan

Kata terbitan bagi **eksport**
mengeksport

مغیکسپورت

[mə · ηeks · pot || məη · eks · pot]

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

Kata Terbitan

Frasa Kata

Terbitan

Kata terbitan bagi **ada**
ada-ada

mengada-adakan

مغادا-اداکن

[mə · ηa · da ηa · da · kan || məη · a · da a · da · kan]

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

Peribahasa Kata

Kata Terbitan

Kata terbitan bagi **ikat**
berikat

terikat

ترايکت

[tə · ri · kat || tə · i · kat]

Bagaimanapun, entri tertentu hanya diberikan satu sebutan sahaja. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

Kata Terbitan

Kata terbitan bagi **arah**
pengarah

فغارہ

[pə · ηa · rah]

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

- Kata
- Frasa Kata
- Peribahasa Kata
- Kata Terbitan

Kata terbitan bagi ikut

ikut-ikut

mengikut

مغيكوت
[mə · ŋi · kut]

Kata dialek atau kata bahasa serumpun diberikan sebutan baku sahaja. Sebutan asalnya mengikut dialek atau bahasa serumpun tidak disertakan. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

- Kata
- Kata Terbitan

amas¹

امس
[a · mas]

n Kel, Trg
nilai yang jumlahnya lima puluh sen

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

- Kata

becat

بچت
[bə · tʃat]

n NS
ikan air tawar yang bersaiz sederhana kecil, berkepala lebar dan agak leper, berbadan bulat memanjang dengan bahagian atas berwarna gelap dan bahagian bawahnya putih, biasanya terdapat di hulu atau anak sungai yang berbatu-batu.

6. LABEL

6.1 Label Variasi Sosial

Terdapat 11 label variasi sosial yang dimasukkan di dalam kamus ini, iaitu kata arkaik, bahasa basahan, bahasa diraja, bahasa halus, bahasa kasar, intim, klasik, kiasan, puitis, slanga dan tabu.

Label *ark* diberikan pada kata arkaik, iaitu kata yang pada satu masa dahulu luas penggunaannya tetapi sekarang jarang atau hampir tidak digunakan lagi. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Asal Usul Kata

bad

باد

[bad]

n ark

angin

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

bagal ¹

bagal ²

باگل

[ba·gal]

n ark

tangkai mayang kelapa

Label *bb* diberikan pada kata bahasa basahan, iaitu kata yang digunakan dalam percakapan tidak formal dan boleh diperturunkan dalam bentuk tulisan seperti yang terdapat dalam komik, surat tidak rasmi ataupun surat peribadi dan juga di bilik bual dalam talian. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

babab

بابب

[ba·bab]

n bb

perbuatan memukul seseorang, biasanya dengan tangan

- Rupa-rupanya, dia merajuk sebab kena babab pagi tadi.

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Asal Usul Kata

Senen

سنين

[sa·nen]

n bb

Isnin

Label *bd* diberikan pada kata bahasa diraja yang digunakan dalam kalangan keluarga diraja, golongan istana, atau antara keluarga diraja dengan rakyat jelata. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Kata Terbitan

adu¹

adu²

Kata terbitan bagi adu³

beradu

برادو
[bə·ra·du]

1 **ktt bh**

berada dalam keadaan tidak sedar dengan mata terpejam kerana berehat, kebiasaannya pada waktu malam

- Permaisuri sedang beradu di kamar peraduan.

Label *bh* diberikan pada kata bahasa halus, iaitu kata yang lembut dan sopan serta berunsur eufemisme yang digunakan dalam pertuturan atau tulisan supaya lebih beradab dan tidak menyentuh perasaan sesiapa. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Kata Terbitan

Asal Usul Kata

wafat

وفاة
[wa·fat]

ktt bh

meninggal dunia, biasanya digunakan untuk nabi dan rasul, keluarga serta sahabat baginda

- Rasulullah SAW wafat ketika berumur 63 tahun.

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

buang air

بواغ اير
[bu·wan a·ir]

1 **ktt bh**

buang air besar

2 **ktt bh**

buang air kecil

Label *bk* diberikan pada kata bahasa kasar yang tidak sopan atau kurang manis dalam pertuturan atau tulisan, yang boleh menyakitkan hati orang yang mendengar atau membacanya. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

Asal Usul Kata

mampus

ممقوس
[mam · pus]

1 ktt bk
(berkenaan dengan orang, binatang, tumbuhan dan lain-lain) mati atau tidak hidup lagi

- Kamu nak mampus dimakan harimau?
- Ludin yakin lembaga itu sudah mampus.
- Pokok-pokok getah itu semuanya mampus, sia-sia sahaja usaha aku selama ini.

Sinonim: [kojol](#)

Label *intim* diberikan pada kata yang digunakan untuk menunjukkan keakraban dan kemesraan antara penuturnya seperti pasangan suami isteri atau pasangan kekasih. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

Peribahasa Kata

Kata Terbitan

Peribahasa Kata Terbitan

sayang

سايڠ
[sa · jan]

6 n intim
panggilan kepada orang yang disayangi misalnya anak, isteri, suami atau kekasih

- "Ada apa sayang?" tanya nenek kepada adik bongsuku.
- "Tinggal dengan kakak ya sayang, jangan menangis, ibu pergi dulu," pujuk Hasnah.

Label *kl* diberikan pada kata bahasa klasik yang terdapat dalam sastera tradisional seperti *Sejarah Melayu* dan hikayat-hikayat yang bertarikh pada sekitar abad ketujuh belas dan kelapan belas. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

arakian

اراكين
[a · ra · ki · jan]

pa kl
sesudah atau selepas itu

- Arakian maka Sultan Mansur Syah pun hendak menyuruh menyerang Siak.
- Arakian beberapa lamanya belayar, maka sampailah ke Bentan.
- Arakian, tiada gunanya pembangunan dan kemajuan dinikmati negara sekiranya rakyat tidak diberikan pembelaan sepatutnya.

Sinonim: [maka](#)

Label *ki* diberikan pada makna kiasan bagi kata yang tidak menggunakan makna asal untuk menjelaskan sesuatu perkara dengan tujuan untuk menguatkan makna atau ketepatan kata tersebut dalam sesuatu wacana. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Kata Terbitan

hidung tinggi

هيدوڠ تيڠكي

[hi·dun tin·gi]

adj *ki*

sombong dan megah dengan kelebihan yang ada

- Budak yang *hidung tinggi* itu tidak mempunyai banyak kawan kerana dia suka bermegah-megah.

Label *pts* diberikan pada kata yang diungkapkan secara puitis, sama ada dalam bentuk puisi, sajak atau karya sastra yang lain. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Asal Usul Kata

nirmala²

nirmala¹

نيرمالا

[nir·ma·la]

adj *pts*

tidak ada cacat cela atau kekotoran

- Langit *nirmala* yang dipenuhi bintang-bintang itu diperhatikannya.

Label *slg* diberikan pada kata slanga, iaitu kata atau ungkapan yang tidak formal dan biasanya hanya digunakan dalam komunikasi harian antara individu dalam kumpulan sosial yang sama. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

awek

اويق

[a·weʔ]

1 n *slg*

rujukan kepada remaja perempuan, biasanya digunakan dalam kalangan anak muda

- Awek cun gini tak ditolong dayuslah aku.

2 n *slg*

kekasih atau teman wanita bagi seseorang lelaki

- Kalau saya bercinta, saya akan bawa awek saya makan di restoran Itali.

Label *tabu* diberikan pada kata larangan dalam budaya sesuatu bangsa atau kaum. Contohnya:



6.2 Label Bidang Ilmu

Terdapat 46 label bidang ilmu bagi kata yang berupa istilah dalam kamus ini dengan menggunakan kependekan yang tertentu (sila rujuk Senarai Kependekan dalam menu Panduan). Istilah yang pernah digunakan suatu ketika dahulu tetapi telah digantikan dengan yang terkini diberikan label istilah lama dengan kependekan *il*.

6.3 Label Kelas Kata

Sebanyak 22 label kelas kata terdapat dalam kamus ini yang menggunakan kependekan seperti yang tertera dalam Senarai Kependekan dalam menu Panduan. Setiap pecahan makna diberikan label kelas kata berdasarkan konteks penggunaannya dan berpandukan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Bagaimanapun, beberapa entri, misalnya **ke tengah**, **ke tepi**; konvensi sosial, misalnya **helo**, **sayonara**; kata nama khas bagi tokoh dan akronim, serta kata yang maknanya membawa maksud digunakan sebagai penekan, misalnya **bergegas-gegas** tidak diberikan label kelas kata.

7. MAKNA

Makna diberikan dalam *Kamus Dewan Perdana* dalam bentuk frasa atau ayat penuh yang kadangkala melebihi satu ayat. Apabila sesuatu kata, frasa, kata terbitan atau peribahasa mempunyai lebih daripada satu makna, pecahan makna ditandai dengan angka Arab. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

- Kata
- Frasa Kata
- Peribahasa Kata
- Kata Terbitan
- Peribahasa Kata Terbitan
- Asal Usul Kata

baju

باجو
[ba · dzu]

1_n
pakaian untuk menutup bahagian sebelah atas badan atau seluruh badan

- *Dia memakai baju berwarna biru dan seluar berwarna kelabu.*

2_n
baju, seluar, pakaian dalam dan sebagainya yang dipakai oleh manusia

- *Selepas mengemas rumah, aku membasuh baju.*
- *Masing-masing mengenakan baju baharu pada Hari Raya.*

Sinonim: [pakaian](#)

8. CONTOH PENGGUNAAN

Dalam kamus, selain menjadi bukti sesuatu kata itu wujud dalam sesuatu bahasa, contoh penggunaan juga membantu memperjelas makna yang diuraikan bagi kata tersebut. Untuk tujuan ini, sedapat mungkin penyusun memilih ayat-ayat yang menunjukkan penggunaan kata, frasa atau kata terbitan yang tipikal daripada Korpus DBP, MCP atau web. Lazimnya, satu hingga tiga ayat atau frasa diberikan sebagai contoh penggunaan untuk sesuatu makna.

9. PERIBAHASA

Peribahasa diletakkan di bawah kata nama yang pertama. Jika tidak terdapat kata nama, maka peribahasa tersebut diletakkan di bawah kata kerja atau kata adjektif pertama dalam peribahasa berkenaan. Peribahasa tidak dimasukkan di bawah entri kata tugas seperti *bagai*, *ibarat*, *belum*, *hendak*, *jangan*, *bagaimana*, *jika*, *kerana*, *yang* dan sebagainya. Dua peribahasa yang membawa makna yang sama disejajarkan dan diletakkan pada dua kata yang berbeza mengikut aturan di atas.

KAMUS DEWAN PERDANA

- Kata
- Frasa Kata
- Peribahasa Kata

Peribahasa bagi itik

bagai itik berebutkan tembolok

bagai itik pulang petang

berjalan dengan lambat dan berlelenggang-lenggok

10. ASAL USUL KATA

Kamus Dewan Perdana menyediakan maklumat asal usul kata (etimologi) bagi kata warisan dan kata pinjaman. Maklumat ini terdapat pada menu Asal Usul Kata. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Frasa Kata
Peribahasa Kata
Kata Terbitan
Peribahasa Kata
Terbitan
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi padi¹
[daripada Melayik Purba **padi* : Seraway *padi*; Melayu-Jawanik Purba **paŋay* : Sunda *pare?* ; Austronesia Purba **pajay*: Rukai *pagay*, Palauan *paray*, Sika *pare*]

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi adipos
[daripada Inggeris *adipose* daripada Latin *adiposus* daripada *adeps* 'lemak']

Kata “daripada” dalam maklumat asal usul kata bermaksud “daripada bahasa asal atau daripada bahasa lain”. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Kata Terbitan
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi loya
[daripada Melayu-Polinesia Barat Purba **luya*: Bontok *loya*]

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Frasa Kata
Kata Terbitan
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi suami
[daripada Sanskrit *svāmi* 'tuan, empunya']

Bagi sesuatu kata warisan, maklumat asal usul kata menyusurgalurkan perubahan kata tersebut dari segi bentuk dan makna (jika ada) daripada bahasa purbanya (bahasa Austronesia Purba, Melayu-Polinesia Purba, Melayu-Jawanik Purba dan sebagainya) sehinggalah kata itu masuk ke dalam bahasa Melayu kini. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata

Peribahasa Kata

Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi rabuk¹

[daripada Melayu-Polinesia Purba **baruk*: Hanunoo *barúk*]

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata

Frasa Kata

Peribahasa Kata

Kata Terbitan

Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi jarum¹

[daripada Melayik Purba **jarum*: Seraway *jaxum* Melayu-Jawanik Purba **zarum* Jawa *dom*; Austronesia Purba **zarum*, Atayal *raum*, Aklanon *dágum*, Ngada *raru*, Tonga *hau*]

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata

Kata Terbitan

Peribahasa Kata Terbitan

Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi bebang

[daripada Melayu-Polinesia Purba **beNbeN*: Isneg *baNbáN* 'tenunan yang rapat', Lau *bobo* 'tertutup, kurungan'; Austronesia Purba **beNbeN* 'tersumbat': Paiwan *vəNvəN* 'tempat berteduh']

Dalam maklumat asal usul kata warisan diberikan juga maklumat bahasa atau dialek kerabat yang direkonstruksi bersama bahasa Melayu untuk mendapatkan bahasa purbanya. Contohnya Sunda, Iban dan Kambera seperti yang berikut.

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata
Frasa Kata
Peribahasa Kata
Kata Terbitan
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi bibir

[daripada Melayik Purba **bibir* 'bibir, tepi': Iban *bibir*; Melayu-Jawani Purba **BiBir* 'bibir': Sunda *biwir*; Melayu-Polinesia Barat Purba **bibiR*: Ilokano *bibír*, Melayu-Polinesia Purba **bibiR*: Uma, Kambara *wiwi*, Motu *bibi-na*; Austronesia Purba **BiRbiR*: Siraya *vigbig*]

Bagi kata pinjaman pula, maklumat asal usul kata memperlihatkan perubahan bentuk dan makna kata (jika ada) daripada satu bahasa kepada satu bahasa sebelum masuk ke dalam bahasa Melayu. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi baluk¹

[daripada Portugis *faluca* 'perahu pesisir dari Maghribi' daripada Arab *falūka*]

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata
Kata Terbitan
Frasa Kata
Terbitan
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi sedia

[daripada Sanskrit *sajya*, *sajja* 'siap, sedia', mungkin dipengaruhi oleh kata *sādhya* 'boleh dilaksanakan, terlaksana, tujuan', *sadyas* 'pada hari yang sama, baru saja', dan *sadā* 'selalu, sentiasa']

Maklumat bahasa sumber yang dipetik daripada *Kamus Dewan* juga dijadikan sebagai sebahagian daripada maklumat asal usul kata. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi abrar

[daripada Arab {Kamus Dewan}]

11. RUJUK SILANG

Rujuk silang umumnya dibuat apabila sesuatu kata atau salah satu maknanya dirujuk kepada kata utama atau subentri tertentu yang ejaannya, bentuknya atau penggunaannya lebih lazim, standard atau diutamakan. Terdapat empat jenis rujuk silang, iaitu yang menggunakan penanda ► (simbol segi tiga kanan), *var* (varian), *lihat* dan *lihat juga*.

Simbol ► (segi tiga kanan), *lihat* dan *var* digunakan untuk merujuk kata atau subentri yang tidak bertakrif kepada yang bertakrif. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata

durhaka
درهاک
[dur·ha·ka]
► [derhaka](#)

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Kata Terbitan

aduk
ادوق
[a·du?]
kt
lihat [mengaduk](#)

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata

agas⁴
اگس
[a·gas]
var [akas](#)¹

Bagi kata kependekan bahasa asing, bentuk penuh dalam bahasa asing dan padanan bahasa Melayunya diletakkan selepas kata tersebut dirujuksilangkan menggunakan simbol ► (segi tiga kanan) kepada kata yang bertakrif. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata

UN
sing
United Nation (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)
► [PBB](#)

Rujuk silang berpenanda ► (simbol segi tiga kanan) juga digunakan bagi kata terbitan yang

dimasukkan sebagai entri di bawah huruf yang berkaitan kerana mempunyai beberapa terbitan sendiri. Kata terbitan ini diolah sedemikian untuk memudahkan pengguna membuat carian. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA
Kata
Frasa Kata
Peribahasa Kata
Kata Terbitan
Frasa Kata Terbitan

Kata terbitan bagi **tua** ¹

tua-tua

ketuaan

ketua-tuaan

ketua, berketua, berketuakan, mengetuai, mengetuakan, pengetua ► **ketua**

KAMUS DEWAN PERDANA
Kata
Frasa Kata
Kata Terbitan

Kata terbitan bagi **ketua**

berketua

berketuakan

mengetuai

mengetuakan

pengetua

Penanda *lihat juga* pula digunakan untuk menunjukkan perkaitan antara dua kata atau lebih yang merujuk pada entiti yang sama tetapi berbeza ejaan atau bentuknya, dan tidak setara dari segi penggunaannya. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA
Kata

Facebook

فيسبوك
[fes · buk]

n
(*jenama*) perkhidmatan rangkaian sosial dalam talian yang membolehkan pengguna berinteraksi dan berkongsi maklumat, gambar dan sebagainya yang diwujudkan pada tahun 2004; lihat juga **fesbuk**

12. NOTA PENGGUNA

Nota pengguna mengandungi maklumat tambahan bagi sesuatu kata, dipaparkan di dalam kotak atau kurungan, dan bertujuan untuk membimbing pengguna dari segi penggunaan kata tersebut. Contohnya ejaan kata **Lebai Malang** bagi makna kiasan dan bentuk pasif bagi kata **men-**.

KAMUS DEWAN PERDANA
Kata

Lebai Malang

لَبَّاي مَالِغ
[lə·baj ma·lan]

1 n
watak dalam cerita rakyat yang digambarkan sebagai seorang lelaki yang alim tetapi tamak apabila ingin menghadiri tiga buah kenduri yang berlangsung pada masa yang sama, namun nasibnya malang apabila terlepas peluang untuk makan di kesemua majlis kenduri yang dihadapinya itu

2 n ki
(dieja dengan huruf kecil) gelaran kepada seseorang, sesuatu pasukan dan sebagainya yang sering mengalami peristiwa atau nasib malang yang bertimpa-timpa

- Pahang berpeluang menebus kekecewaan dan menolak label lebai malang jika dapat memungut mata penuh dalam perlawanan menentang Sarawak Sabtu ini.

KAMUS DEWAN PERDANA
Kata

men- (me-, meng-, menge-, mem-, meny-)

20 awalan
membawa maksud bersifat atau berlaku seperti yang dinyatakan pada kata dasar, misalnya *membatu*, *menikus*, *menyinga*, *mengular*, *mengumbang*, *menganak* sungai, dan *menggajah* putih

Bentuk pasif awalan meN- ialah di-bagi diri ketiga (misalnya *diselimut*, *dipukul*, *ditahan*, *diserang*, *dimakan*, *diperintah* dan *didera*), dan kata dasar bagi diri pertama dan kedua (misalnya *ambil*, *pukul*, *tulis*, *baca* dan *sanjung*)

13. JENAMA

Sebahagian kecil kata dalam *Kamus Dewan Perdana* merupakan jenama produk, atau yang berasal daripada jenama produk yang banyak ditemukan penggunaannya dalam data korpus bahasa Melayu. Bagi kedua-dua jenis kata ini, label jenama diberikan sebelum makna dan diletakkan dalam tanda kurung. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Kata Terbitan

Instagram

اينستاكرم
[in·sta·gram]

n

(jenama) perkhidmatan rangkaian sosial dalam talian yang membolehkan pengguna berinteraksi dan berkongsi gambar atau video yang juga boleh dipautkan terus ke rangkaian sosial yang lain seperti Facebook dan Twitter

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Kata Terbitan

autokiu

اءوتوكيو
[aw·to·ki·ju]

(jenama Autocue) alat yang menayangkan skrip untuk diucapkan oleh seseorang, yang tidak dapat dilihat oleh penonton semasa rakaman rancangan televisyen atau semasa memberi ucapan di khalayak ramai

14. TANDA DALAM MAKLUMAT ASAL USUL KATA

Terdapat beberapa tanda dalam maklumat asal usul kata yang diberikan. Walau bagaimanapun, hanya tanda yang tidak mudah difahami sahaja diterangkan di bawah ini.

14.1 Tanda Kurung Dakap

Tanda kurung dakap ({ }) mengandungi maklumat kependekan nama penyelidik atau sumber rujukan. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

Kata Terbitan

Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi nyana

[daripada Sanskrit *jñāna* 'pengetahuan' {Zoetmulder, de Casparis}]

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata

Kata Terbitan

Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi **ritma**

[berasaskan ejaan Inggeris *rhythm* {Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia}]

14.2 Tanda Asterisk

Tanda asterisk (*) menandai kata asal yang hipotetikal bagi kata warisan. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata

Frasa Kata

Kata Terbitan

Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi **serambi**

[daripada Melayik Purba **surambi*?; Iban *sərambi*?; Melayu-Jawanik Purba **surambiq*; Madura *sarambi(h)*; Melayu-Polinesia Barat Purba **surambi* {*Dyen*}; Tagalog *sulambi*?]

14.3 Tanda Campur

Tanda campur (+) menunjukkan sesuatu kata itu terdiri daripada dua kata yang digabungkan. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata

Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi **pancaindera**

[kata bentukan baharu yang terdiri daripada *panca* (daripada Sanskrit *pañca*) + *indera* (daripada Sanskrit *indriya*)]

14.4 Tanda Panah Kiri

Tanda panah kiri (←) bermaksud “daripada kata yang terbentuk secara sinkronik”. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**

Kata

Kata Terbitan

Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi **tempias**

[←*təmpias* daripada Melayu-Polinesia Barat Purba **ampias*; Tagalog *ampias* ‘hujan yang masuk melalui jendela, pintu, yang terbuka’]

14.5 Tanda Petik Tunggal

Tanda petik tunggal (') digunakan untuk menandai makna kata. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Kata Terbitan
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi *anu*
[daripada Melayik Purba **anuʔ*; Iban *anuʔ*; Melayu-Polinesia Purba **anuh*: Aklanon *anó(h)* 'apa?', Chamoro *manu* 'yang mana?']

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Kata Terbitan
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi *malapetaka*
[kata bentukan baharu yang terdiri daripada *mala* (daripada Sanskrit *mala*) + *petaka* (daripada Sanskrit *pātaka* 'jenayah, dosa') {de Casparis}]

14.6 Tanda Soal

Tanda soal (?) diletakkan di depan, di tengah atau di belakang sumber, kata atau makna untuk menunjukkan bahawa “kesahihan fakta tidak dapat dipastikan”. Contohnya:

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Frasa Kata
Kata Terbitan
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi *butang*
[daripada ? Portugis *butão*, daripada ? Inggeris *button*]

**KAMUS
DEWAN
PERDANA**
Kata
Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi *atos*
[daripada *atos* (←*aŋtos*) daripada Melayu-Jawanik Purba **təRas* 'keras' daripada Austronesia Purba **təRas* 'pokok *Intsia bijuga* (?)']

14.7 Tanda Titik Bertindih

Tanda titik bertindih (:) diletakkan sebelum bahasa kerabat. Contohnya:

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Kata Terbitan

Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi **babar**

[daripada Melayu-Jawanik Purba *BaRBaR: Jawa Kuno *b-in-abar*
'dibentang']

KAMUS DEWAN PERDANA

Kata

Frasa Kata

Peribahasa Kata

Kata Terbitan

Peribahasa Kata
Terbitan

Asal Usul Kata

Asal usul kata bagi **padi**¹

[daripada Melayik Purba **padi* : Seraway *padi*; Melayu-Jawanik Purba
**paɭəy* : Sunda *pare?* ; Austronesia Purba **pajay*: Rukai *pagay*, Palauan
parɔy, Sika *pare*]